

KAJIAN MARIN: UMS TERIMA RM3.3 JUTA.

BERITA HARIAN (25.10.1999).

Kajian Marin: UMS terima RM3.3 juta

Oleh Mohd Fuad Razali

UNIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) mendapat peruntukan lebih RM3.3 juta untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang marin di perairan Sabah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh menerusi Program Intensification Research in Priority Areas (IRPA).

Daripada jumlah itu, RM500,000 adalah untuk kajian mengenai sumber dan kesan aktiviti manusia terhadap sumber, habitat dan ekosistem marin di Sabah; RM800,000 untuk kajian mamalia marin dan jerung paus manakala RM2 juta untuk penyelidikan mengenai rumpai laut.

Selain itu, UMS turut menerima peruntukan kira-kira RM2 juta untuk projek pembiakan rumpai laut di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin di Sabah.

Projek yang dibiayai Kementerian Pembangunan Luar Bandar itu dijalankan di Telukan Lung di Kudat serta Pulau Omadal di Semporna membabitkan 50 keluarga termiskin di setiap daerah.

Ketua Unit Penyelidikan Marin Borneo UMS, Prof Madya Dr Ridzwan Abdul Rahman, berkata penyelidikan yang dijalankan di univer-



DR RIDZWAN giatkan penyelidikan

siti itu ketika ini ditumpukan bagi memenuhi permintaan dalam industri perikanan, akuakultur dan biologi tempatan.

Sehubungan itu, katanya, UMS mengadakan kerjasama dengan sektor swasta dan mereka yang terbabit dalam industri berkenaan.

"Misalnya, kita mengadakan kerjasama dengan pihak swasta dalam bidang akuakultur bagi menjalankan pembiakan aruhan ke atas ikan yang mempunyai nilai

pasaran yang tinggi, terutama yang ditangkap di kawasan terumbu karang seperti kerapu.

"Ini tidak bermakna kita mengetepikan bidang penyelidikan asas kerana ia tetap dijalankan apabila ada peruntukan dan keperluan. Malah, penyelidikan gunaannya mendapat banyak faedah daripada penyelidikan asas itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Berita Harian ketika ditemui di pejabatnya di kampus tetap UMS di Teluk Sepanggar, Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Unit Penyelidikan Marin Borneo ditubuhkan di UMS untuk menjalankan kegiatan penyelidikan dalam bidang marin.

Sejak ditubuhkan unit itu memberi tumpuan kepada penyelidikan dalam tiga bidang teras iaitu biologi dan ekologi sumber, perikanan dan akuakultur serta bioteknologi marin.

Menurut Dr Ridzwan, penetapan teras penyelidikan itu dibuat berdasarkan maklum balas daripada mereka yang terbabit dalam industri berkaitan yang ada di Sabah, dalam Bengkel Penyelidikan Sains Marin yang diadakan pada 1995.

Selain peruntukan IRPA, unit berkenaan turut menjalankan penyelidikan menggunakan peruntukan yang disediakan oleh UMS.

Antaranya ialah kajian ekologi terumbu karang di Sabah, kajian mengenai kegiatan penangkapan dan meracun ikan, kajian biologi dan pengurusan pemuliharaan penyu di Sabah serta kajian genetik ikan.

Dr Ridzwan berkata, kajian dalam bidang sains marin di Malaysia tidak menyerlah kerana masih baru dan mengalami kekurangan banyak sumber maklumat bagi membangunkan bidang berkenaan.

"Unit ini cuba mengisi kekosongan yang wujud dalam bidang ini. Ketika ini kami cuma menjalankan penyelidikan dalam bidang kepakaran yang dimiliki. Sebenarnya banyak perkara lagi yang perlu diketahui mengenai bidang sains marin di Malaysia," katanya.

Ketika ini unit berkenaan mempunyai seorang profesor, tiga profesor madya, tiga pensyarah, tiga tutor dan seorang fellow penyelidik. Selain itu, unit berkenaan turut menyelia 12 pelajar ijazah lanjutan dalam bidang sains marin.